



## **SIARAN AKHBAR**

Untuk Hebahan Segera

### **GREAT EASTERN TAKAFUL LAHIR GENERASI BIJAK AMWAL**

Misi korporat dalam melahirkan generasi celik kewangan dan takaful dari peringkat awal

Kuala Lumpur, Oktober 2015 - Great Eastern Takaful Berhad (GETB) melahirkan generasi Bijak Amwal dengan pelancaran program tanggungjawab sosial korporat mereka. Program Bijak Amwal ini telah dilancarkan oleh En Zafri Ab Halim, Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad.

Apabila ditanya tentang bagaimana program ini lahir, En Zafri berkata, "Apabila kami mula berfikir tentang program teras tanggungjawab sosial korporat kami, banyak faktor yang diambil kira. Yang paling penting adalah ia perlu sejajar dengan perniagaan kami; selaras dengan matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Kami sedar bahawa untuk berkembang secara mampan, kami perlu memperlihatkan kesan jangka panjang kepada masyarakat di mana kami menjalankan perniagaan".

"Persoalannya, bagaimana untuk kita melaksanakannya? Jawapannya adalah agak mudah dan ia datang secara semula jadi; ia menjadi tanggungjawab bersama untuk memperkasakan masyarakat dengan pengetahuan yang kami miliki dalam perniagaan iaitu takaful.

Ia adalah tujuan program CSR kami untuk meningkatkan kesedaran takaful dalam masyarakat di mana kita tinggal dan bekerja, dan bagaimana ia boleh menjadi instrumen ekonomi yang berkesan untuk pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan. Oleh itu, maka lahirlah Bijak Amwal", ujar beliau.

Melalui sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia, tahun ini seramai lapan puluh orang murid darjah empat dan lima dari Sekolah Kebangsaan Setiawangsa dan sebuah sekolah lagi di Putrajaya telah mengambil bahagian dalam program Bijak Amwal.

Great Eastern Takaful telah mula beroperasi pada tahun 2010 serta dimiliki oleh Great Eastern Holdings dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad.

-Tamat-

### Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah sebuah syarikat usahasama antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi AngkatanTentera (M) Berhad. Sejak penubuhannya pada tahun 2010, syarikat telah mencapai kemajuan yang besar yang mana telah dianugerahkan sebagai di mana ia dinamakan 'Best New Islamic Institution' tahun 2011; 'Best New Takaful Institution' pada tahun 2012; dan 'Best Takaful Operator (Asia)' 2013 di Islamic Business & Finance Awards di Dubai.

---

Untuk sebarang maklumat berkaitan media, sila hubungi:

Zarina Idris, Brand & Marketing Communications, Tel: 03 4259 8336 atau e-mail: [Zarinaldris@i-great.com.my](mailto:Zarinaldris@i-great.com.my)